

GARIS PANDUAN DANA PENERBITAN BUKU UKM (DPB) 2025

1. Dana Penerbitan Buku (DPB) merupakan dana yang dikhususkan untuk buku penyelidikan yang dibuka kepada semua kakitangan akademik aktif UKM.
2. Permohonan DPB 2025 dibuka pada **23 Oktober hingga 30 November 2024** melalui pautan Borang Permohonan Dana Penerbitan Buku (DPB) 2025 (<https://forms.gle/C9hUo9fD9XN1cQ2m7>).
3. Manuskrip yang diserahkan kepada Penerbit UKM mestilah lengkap mengikut gaya Penerbit UKM (rujuk *Panduan Penilaian Manuskrip Penerbit UKM*: <https://www.e-sentral.com/book/info/349010>).
4. Manuskrip yang diserahkan mestilah mengandungi minimum empat (4) bab dan sekurang-kurangnya 30,000 patah perkataan (tidak termasuk bahagian awalan dan rujukan). Sekiranya manuskrip tidak mencapai ketetapan minimum yang ditetapkan, permohonan tidak akan diproses.
5. Bagi permohonan melibatkan karya tesis ke buku, manuskrip hendaklah dirombak ke bentuk buku mengikut gaya Penerbit UKM (rujuk *Panduan Penyediaan Manuskrip Buku dan Jurnal Penerbit UKM*: <https://www.e-sentral.com/book/info/349010>).
6. Bagi permohonan melibatkan karya asli/suntingan, manuskrip hendaklah dinilai terlebih dahulu oleh pakar bidang yang bertaraf Profesor Madya dan ke atas. Penilaian hendaklah diuruskan oleh PTj masing-masing. Laporan penilaian perlu dikemukakan bersama permohonan (Panduan Penilaian Manuskrip Penerbit UKM dan Borang Penilaian Manuskrip boleh dimuat turun boleh dimuat turun dari laman sesawang Penerbit UKM https://www.ukm.my/penerbit/wp-content/uploads/2024/09/INFOGRAFIK_GPPM_S.pdf).
7. Penulisan hanya dibenarkan dalam salah satu bahasa sahaja sama ada bahasa Melayu atau bahasa Inggeris.
8. Jumlah pengarang bagi setiap manuskrip tidak boleh melebihi tiga (3) orang.
9. Pemohon tidak boleh menghantar lebih daripada satu permohonan dalam tahun yang sama.
10. Manuskrip yang lulus permohonan DPB perlu diterbitkan pada tahun 2025. Sekiranya tidak diterbitkan pada tahun 2025, dana akan ditarik balik.
11. Pengarang yang akan bersara pada tahun 2025 tidak dibenarkan membuat permohonan.
12. Permohonan yang berjaya akan dimaklumkan secara rasmi menerusi e-mel dan sekiranya tiada jawapan diterima selepas tiga (3) bulan daripada tarikh tutup, permohonan adalah dianggap tidak berjaya.
13. Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:
Puan Rohana Tan, kppenerbit@ukm.edu.my, 03-89213496
Cik Nadzirah Yahya, nby@ukm.edu.my, 03-89215611
Cik Asmidar Idris, asmidar.idris@ukm.edu.my, 03-89215370